

Sejarah Tahun 6

Unit 1 Lahirnya Sebuah Cinta

• Langkah - Langkah

Pembentukan Malaysia

- Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan oleh Tuanku Abdul Rahman
- Sebab-sebab pembentukan Malaysia ialah:
 - i) Menjamin keselamatan Negara
 - ii) Memajukan sosioekonomi
 - iii) Mencapai keseimbangan kaum
- Gagasan pembentukan Malaysia melibatkan negeri Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.
- Jawatankuasa Perpaduan Malaysia (JJPM) ditubuhkan bagi memberikan penerangan tentang pembentukan Malaysia.
- Januari 1962 – Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan untuk menilai reaksi penduduk-penduduk negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
- Pembentukan Malaysia mendapat tentangan daripada Indonesia dan Filipina. Oleh sebab itu, Wakil PBB telah dihantar meninjau pandangan penduduk Sarawak dan Borneo Utara terhadap pembentukan Malaysia.

- Tinjauan menunjukkan majority penduduk Sarawak dan Borneo Utara menerima idea pembentukan Malaysia.
- Pada 16 September 1963, Malaysia telah diisytiharkan.

Unit 2 Bumi Dipijak Langit Dijunjung

• Asal usul negeriku

- Nama Perak dikaitkan dengan sejenis logam iaitu perak. Nama juga diambil daripada nama Sungai Perak yang mempunyai ikan berwarna putih seperti perak.
 - Nama Pulau Pinang diambil sempena nama pokok pinang yang banyak tumbuh di pulau tersebut suatu masa dahulu.
 - Setiap negeri di Malaysia mempunyai bandar diraja. Antara bandar-bandar diraja yang terdapat di Malaysia seperti Arau, Kuala Kangsar, Klang, Seri Menanti, Pekan dan Kuala Terengganu.
 - Negeri-negeri di Malaysia mempunyai bendera, jata dan lagu negeri yang menunjukkan identity sendiri. (Hafal jata dan bendera negeri di Malaysia)
- #### **• Ketua Negeri**
- Setiap negeri mempunyai ketua sebagai pemerintah.

- Gelaran bagi pemerintah berbeza mengikut negeri.
- Selain itu, perlantikan pemerintah juga sangat unik
- Cara perlantikan merupakan satu warisan yang perlu dipelihara.
- Perlantikan Sultan di negeri Kedah, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perlis menggunakan sistem pewarisan tahta. Lazimnya, jawatan Raja Muda atau Tengku Mahkota dipegang oleh putera sulung Sultan.
- Perlantikan Sultan di negeri Perak menggunakan sistem penggiliran. Sebelum bakal sultan ditabalkan, baginda mestilah pernah menjadi Raja Muda dan Raja Di Hilir.
- Di Negeri Sembilan, perlantikan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah melalui proses pemilihan oleh Undang Yang Empat.
- Bagi negeri-negeri yang tiada raja dan sultan, jawatan Yang Di Pertua Negeri dilantik oleh Yang di Pertuan Agong setelah berunding atau mendapat nasihat daripada Ketua Menteri. Negeri-negeri tersebut ialah seperti Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah.

Unit 3 Rukun Negara

- Rukun Negara adalah ideology kebangsaan Malaysia.

-Rukun Negara telah dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara.

-Lima Prinsip Rukun Negara ialah :

- i) Kepercayaan kepada Tuhan
- ii) Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- iii) Keluhuran Perlembagaan
- iv) Kedaulatan Undang-Undang
- v) Kesopanan dan kesusilaan.
 - Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970.

Unit 4 Rakyat Malaysia

-Setiap kaum di Malaysia mempunyai identiti mereka tersendiri.

-Perbezaan kaum dapat dilihat melalui pakaian, adat, agama dan Bahasa pertuturan.

-Kepentingan menghormati budaya kaum lain :

- i) Mengelakkan perselisihan faham dan pertelingkahan antara kaum
- ii) Mewujudkan hubungan baik dan perpaduan kaum.

Unit 5 Agama Dan Kepercayaan

-Agama Islam merupakan agama rasmi persekutuan dan dianuti oleh kaum Melayu.

-Agama Buddha dianuti oleh kaum Cina. Pengasas agama Buddha ialah Gautama Buddha.

-Agama Hindu dianuti oleh kaum India dimana penganut agama hindu mempercayai karma iaitu berbuat baik akan menerima balasan baik dan berbuat jahat akan menerima balasan buruk.

-Adab dirumah Ibadat

- i) Masjid
 - Menutup aurat
 - Tidak bercakap dengan kuat
 - Tidak mengganggu orang lain beribadah

Unit 6 Perayaan Di Malaysia

Perayaan Keagamaan

-Hari Raya Aidiladha - Islam

-Hari Easter - Kristian

-Thaipusam - Hindu

-Hari Wesak - Buddha

-Vaisakhi - Sikh

Perayaan Kebudayaan

-Cap Goh Mei - Cina

-Ponggal - India

-Loy Krathong - Siam

-San Pedro - Portugis

-Jis Pai - orang Asli

-Pesta Gawai - kaum Dayak Di Sarawak

Unit 7 Malaysia Di Persada Sukan

-Nama Malaysia terkenal dengan beberapa kejayaan sukan yang membanggakan Negara di mata dunia.

-Antara tokoh yang telah mengharumkan nama Negara ialah :

- i) Datuk Nicol Ann David -skuasy
- ii) Pandalela Rinong - terjun papan anjal
- iii) Datuk Lee Cgong Wei - badminton
- iv) Shalin Zulkifli - baling
- v) Josiah Ng - lumba basikal

Penganjuran Sukan Antarabangsa

a) Sukan Komanwel

- Disertai oleh Negara yang mengangotai Pertubuhan Komnwel
- Malaysia menjadi Negara pertama di Asia menganjurkan kejohanan ini.
- Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998 di Kuala Lumpur dengan maskot orang utan dan bunga raya menjadi logo Sukan Komanwel.
- Logo sukan komanwel telah diinspirasikan oleh bunga kebangsaan Malaysia iaitu bunga raya.
- Maskot rasmi pula ialah orang utan, dengan dikenali seekor wira.
- Maskot tersebut telah dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir.

- Penganjuran sukan komanwel tersebut ialah yang ke 16/XVI
- Kejayaan Malaysia dalam sukan tersebut ialah telah memenangi 10 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa.
- Malaysia telah berjaya meletakkan diri pada kedudukan yang keempat pada temasya sukan tersebut.

Unit 8 Kegiatan Ekonomi Negara

- Industri aotomotif dan petroleum menjadi nadi utama ekonomi Negara kita
- Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton) telah ditubuhkn pada 7 Mei 1983.
- Proton merupakan pengeluar kereta pertama Malaysia

- Proton Saga ialah model kereta nasional pertama dikeluarkan pada Julai 1985.

Unit 9 Pemimpin Negara Yang Kusanjungi

- Bapa Kemerdekaan - Tunku Abdul Rahman
- Bapa Perpaduan - Tun Hussein Onn